

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI PAHANG

1. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AKTIVITI JABATAN/AGENSI SERTA PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang telah diaudit dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri. Bagi tempoh 1 September 2022 hingga 30 Ogos 2023, sebanyak tiga LKAN bagi Negeri Pahang telah dibentangkan di Dewan Negeri Pahang seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
BAGI NEGERI PAHANG DI DEWAN NEGERI PAHANG
BAGI TEMPOH 1 SEPTEMBER 2022 HINGGA 30 OGOS 2023

BIL.	LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA	TARIKH PENBENTANGAN
1.	Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2021 Siri 1	13 Oktober 2022
2.	Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Pahang Tahun 2021	12 Mei 2023
3.	Auditan Khas Pengurusan Hutan dan Impak Kepada Alam Sekitar, Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri dan Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Pahang Tahun 2021 Siri 2	

Sumber: Jabatan Audit Negara

2. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

2.1. Sehingga penggal akhir Dewan Negeri Pahang Ke-14, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Pahang (Jawatankuasa) telah membincangkan isu Audit yang dibangkitkan dalam LKAN Mengenai Pengurusan Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2019 Siri 2 dan isu Audit pematuhan yang dilaporkan dalam LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi serta Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Pahang Tahun 2020.

2.2. Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Pahang bagi Dewan Negeri Pahang Ke-15 yang baharu telah dilantik pada 12 Mei 2023 semasa Mesyuarat Pertama

Penggal Ke-2, Dewan Negeri Pahang Ke-15. Sehubungan dengan itu, satu taklimat telah diberikan kepada ahli Jawatankuasa oleh Pengarah Audit Negeri Pahang mengenai Peranan dan Tanggungjawab Jabatan Audit Negara. Taklimat yang telah diadakan pada 10 Julai 2023 tersebut turut menerangkan mengenai Peranan dan Tanggungjawab Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri (Peraturan 68) sebagaimana yang termaktub dalam Buku Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negeri Pahang.

2.3. Jawatankuasa yang hadir telah menyatakan komitmen untuk memastikan ketua jabatan/agensi negeri mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap syor Audit yang telah dibentangkan di Dewan Negeri Pahang selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk memastikan wujudnya akauntabiliti awam. Jawatankuasa ini juga bersetuju supaya isu Audit yang telah dibangkitkan dalam LKAN hendaklah dijadikan sebagai pengajaran (lesson learnt) dan penanda aras (benchmarking) oleh semua jabatan/agensi negeri yang akan melaksanakan program/projek yang sama.

2.4. Seterusnya, Jawatankuasa ini berharap kerjasama yang erat dengan Jabatan Audit Negara dalam membincangkan isu LKAN yang telah dibentangkan akan menyumbang kepada peningkatan dan kecekapan tadbir urus awam di Negeri Pahang.